UNIVERSITY COLLEGE TATI

# UC TATI CHRONICLE

" Stories of Growth, Innovation & Leadership "



## TIMES HIGHER EDUCATION RANKINGS 2025

CITREX 2025 &
YOUTH INNOVATION CHALLENGE

EDUCATION IN JAPAN

INDUSTRY COLLABORATION

STUDENT EXCELLENCE IN ACTION

## TOP 3 MQA

HIGHER EDUCATION PROVIDER EXCELLENCE AWARD (INTERNAL QUALITY ASSURANCE)

Majlis Konvokesyen مجليس كونووكيشن
UNIVERSITY COLLEGE TATI KE-25
25 OKTOBER 2025 (SABTU) | BERSAMAAN 3 JAMADILAWAL 1447H

# KATA-KATA ALUAN REKTOR UC TATI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat melangkah ke separuh tahun 2025 dengan semangat baharu dan tekad yang lebih utuh. Tahun ini membawa makna yang istimewa buat UC TATI, bukan sahaja kerana kita melangkah ke era kepimpinan baharu, tetapi juga kerana kita terus melakar pelbagai pencapaian dalam bidang akademik, penyelidikan dan inovasi.

Kepada pelajar-pelajar UC TATI, teruskan usaha dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan. Setiap cabaran yang dilalui adalah sebahagian daripada perjalanan membentuk diri sebagai insan berilmu dan berdaya tahan. Ingatlah bahawa ilmu yang ditimba bukan sekadar untuk kejayaan diri sendiri, tetapi juga untuk memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.



Buat alumni UC TATI yang diraikan pada tahun 2025, tahniah dan syabas diucapkan atas kejayaan menamatkan pengajian. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh menjadi bekal untuk terus menyumbang di mana jua anda berada. Jadilah duta UC TATI yang membawa nama institusi ini ke persada yang lebih tinggi dengan nilai profesionalisme, integriti dan inovasi.

Akhir kata, marilah kita semua berganding bahu – warga UC TATI, pelajar, dan alumni – dalam meneruskan legasi kecemerlangan yang kita bina bersama. Sesungguhnya, kejayaan hari esok bermula dengan semangat hari ini.

**Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar bin Abdul Rashid**
**Rektor UC TATI**










# Isi Kandungan


## INOVASI & PENYELIDIKAN 1

- Program MYIS Perintis 2025 (Top 18 Finalist)
- CITREX 2025 – Kecemerlangan Penyelidik UC TATI
- 9th TAMIE Colloquium 2025 @ UC TATI
- Geran sepadan antara UC TATI, UniSZA & UMT
- Pertandingan CISCO Netriders 2025
- UC TATI Unggul di VIC 2025: 12 Emas, 2 Perak
- Youth Innovation Challenge (Yic 2025)
- 8th Annual Student Research Day 2025

## KERJASAMA INDUSTRI & AKADEMIK 4

- Jalinan Akademik : UC TATI & SMKN 2 Pekanbaru Indonesia
- Serambi Ilmu Rakyat UC TATI
- Jalin Kolaborasi Bersama Global ACE, CyberSecurity Malaysia
- Kolaborasi Strategik UC TATI & JPN Kelantan
- Perkukuh Kerjasama dengan Industri
- Perkasa Pendidikan Teknikal : UC TATI & KV Pasir Mas Kelantan
- Kerjasama UC TATI–PROTON
- RoboNellang Challenge 2025 Peringkat Kebangsaan
- Meterai 2 MoA dan 6 MoU Bersama Rakan Strategik
- Kerjasama Pendidikan dan Industri di Jepun

## SENARAI PROFESOR ADJUNG UC TATI 7

- 9 Profesor Adjung UC TATI

## ANUGERAH 9

- Pelancaran Maskot 'Leo' oleh Menteri Besar Terengganu
- Times Higher Education World University Rankings 2025
- Top 3 oleh MQA
- Malaysia Book of Records Pameran TVET
- Majlis Penyerahan Mock Cheque Dapo MAIDAM @ U di UC TATI

## SUKAN & AKTIVITI PELAJAR 11

- STAR E-Sports Championship
- Futsal UC TATI Mara ke Liga Premier
- Kembara UC TATI Trackers ke Gunung Tebu
- SIPMA 2025
- Pencak Silat UC TATI Cemerlang di Kejohanan SUKMA Negeri
- Perlawanan Persahabatan Bola Tampar UC TATI – Petronas Carigali
- Special Auditing Exchange Program (October 2025 Intake)
- MBW International Taekwondo Championship 2025
- Varsity Track & Field (VTF) 2025
- Kursus Fasilitator Jenoba Outdoor
- Orienteering Level 1
- SUTERA 2025
- Kelab Sukan UC TATI

## ALUMNI INSPIRASI UC TATI 16

- Alumni Inspirasi Masa Depan Pelajar

## REDAKSI BULETIN 20

# Inovasi & Penyelidikan

*Innovation in Action: Penyelidikan yang menginspirasi dan memacu kemajuan.*



## Program MYIS Perintis 2025 (Top 18 Finalist)

Nur Syauqina bt Mohd Suhaimi, dari program Bachelor of Computer Science (BCSC), telah terpilih sebagai finalist Zon Timur bersama wakil dari UNISZA dan UMT.

Beliau membentangkan Projek Tahun Akhir bertajuk "DASH: A Platform for New Driver Progress" dalam program anjuran Yayasan Inovasi Malaysia, bagi merebut geran pembangunan inovasi bernilai sehingga RM40,000.00.

## CITREX 2025 – Kecemerlangan Penyelidik UC TATI



Dua staf akademik UC TATI, Ts. Muhammad Aminullah bin Abd Rahmandan Nurul Anniyah binti Mohd Sobri, telah meraih kejayaan cemerlang di CITREX 2025 anjuran UMPSA.

Ts. Muhammad Aminullah menerima Pingat Emasdan Anugerah Khas AEC Award bagi inovasi "Next Gen Smart Nanolube for Electric Vehicle Air Conditioning", manakala Nurul Anniyah turut meraih Pingat Emas dan Anugerah Khas Ecotech Innovation Award melalui inovasi "Development of a Novel Process Flow Simulation for Thorium Extraction from Lanthanide Concentrate."

## Kejayaan Memperoleh Geran Sepadan !







Syabas kepada Ts. Dr. Azliza Binti Yacob & pasukan atas kejayaan memperoleh Geran Sepadan Antarabangsa UC TATI–UNISSULA bernilai RM20,000 bagi projek "AI-Enhanced Learning Guideline for Cybersecurity Education".

Tahniah juga kepada Ts. Dr. Noor Suhana Binti Sulaiman & pasukan atas kejayaan meraih Geran Sepadan bernilai RM60,000 bersama UniSZA dan UMT melalui projek "Improved Multilayer Perceptron-Recursive Feature Elimination (MLP-RFE) Model".

## Youth Innovation Challenge (Yic 2025)



Syabas dan tahniah kepada Nur Syauqina binti Mohd Shuhaimi, pelajar Bachelor of Computer Science (BCSC) yang berjaya meraih tempat ketiga dalam pertandingan YIC 2025.

# Inovasi & Penyelidikan

*Innovation in Action: Penyelidikan yang menginspirasi dan memacu kemajuan.*

## 8th Annual Student Research Day 2025



Anugerah Best Project Award telah dimenangi oleh pelajar UC TATI dalam kategori Non-UMT Participant, anjuran Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Kejayaan ini menyerlahkan kreativiti dan keupayaan pelajar UC TATI dalam bidang inovasi dan reka bentuk pendidikan.

Pemenang terdiri daripada :

- Nor Irene Batrisyia bt Nor Azuwan Affendy (BDGD) – "SenseSay: Enhancing Educational Tool Using Visual Communication for Speech Delay Preschool Children"
- Danish Farhan bin Najmi Dawami (BCNS) – "Learn Cybersecurity with Pocket Cyber Lab – Experience Cybersecurity Beyond Classroom"
- Aima Nur Hamizah bt Hj. Abdul Jalal (BDGD) – "My Boundaries, My Voice: An Interactive Educational Tool for Teaching Safe and Unsafe Touch"

## UC TATI Unggul di VIC 2025: 12 Emas, 2 Perak




Pelajar UC TATI cemerlang di Virtual Innovation Competition (VIC) 2025 apabila meraih 12 pingat emasdan 2 pingat perak daripada 14 penyertaan. Kejayaan ini membuktikan keupayaan pelajar UC TATI dalam menghasilkan inovasi berkualiti tinggi serta semangat kerja berpasukan yang luar biasa.

## 9th TAMIE Colloquium 2025 @ UC TATI



Pada 22 September 2025, UC TATI menganjurkan 9th TAMIE Colloquium 2025 bersempena Festival of Ideas (FOI2025) di Al Jazari Hall. Bertemakan "Research Synergies for Future Societies", program ini menghimpunkan 15 pelajar pascasiswazah UC TATI dan Mie University, Jepun dalam sesi pembentangan penyelidikan pelbagai bidang kejuruteraan dan teknologi.

## Pertandingan CISCO Netriders 2025



Muhammad Luqman Haziq bin Mohd Tarmizi, pelajar dari program Bachelor of Computer Science (Computer Network & Security), telah terpilih mewakili UC TATI ke peringkat antarabangsa, diiringi oleh Puan Siti Norwahidayah Wahab. Pertandingan yang disertai oleh peserta dari Malaysia, Indonesia dan Taiwan ini menguji kemahiran rangkaian dan IT melalui ujian atas talian serta simulasi menggunakan Cisco Packet Tracer.

# Inovasi & Penyelidikan

***Innovation in Action: Penyelidikan yang menginspirasi dan memacu kemajuan.***

## Tahniah Penyelidik UC TATI di MPI 2025!

UC TATI telah berjaya meraih :

- 13 Pingat Emas
- 5 Pingat Perak
- 17 Pingat Gangsa

daripada 44 penyertaan keseluruhan dan satu pencapaian yang sangat membanggakan!















# Kerjasama Industri & Akademik

**Bridging Academia & Industry — kolaborasi bermakna demi masa depan TVET yang gemilang**

## Memperkukuh Jalinan Akademik: UC TATI & SMKN 2 Pekanbaru Indonesia



UC TATI, diwakili oleh Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar bin Abdul Rashid, telah menandatangani perjanjian kerjasama strategik bersama SMKN 2 Pekanbaru, Indonesia.

Kerjasama ini memberi fokus kepada pertukaran pelajar, tenaga pengajar serta pembangunan akademik dan latihan kemahiran antara kedua-dua institusi.



## UC TATI Jalin Kolaborasi Bersama Global ACE, CyberSecurity Malaysia

Delegasi UC TATI yang diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar bin Abdul Rashid (Rektor) telah mengadakan perbincangan kolaborasi bersama Global ACE, CyberSecurity Malaysia (CSM).

Kerjasama ini bertujuan memperkukuh pemerkasaan keselamatan siber serta membuka peluang sinergi antara akademia dan industri, seiring dengan keperluan sektor digital masa kini.

## Pengukuhan Kolaborasi Strategik UC TATI & JPN Kelantan

Delegasi UC TATI yang diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar bin Abdul Rashid (Rektor) telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Pendidikan Negeri Kelantanbagi memperkukuh hubungan strategik dan merancang inisiatif bersama dalam bidang pendidikan.

Kerjasama ini diharap dapat melahirkan lebih ramai pemimpin masa depan yang berkualiti.



# Kerjasama Industri & Akademik

## Bridging Academia & Industry — kolaborasi bermakna demi masa depan TVET yang gemilang

## UC TATI Perkukuh Kerjasama dengan Industri




UC TATI menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Leave a Nest Co., Ltd. dan Hadid Group Sdn. Bhd. bagi memperkukuh jaringan academia (UC TATI) – industri.

Kolaborasi ini menggabungkan kepakaran dalam inovasi global, keusahawanan dan kejuruteraan, membuka peluang kepada pelajar UC TATI untuk projek berimpak tinggi dan komersialisasi dan impak masyarakat







## Kerjasama UC TATI–PROTON : Lonjak Potensi Graduan TVET

Delegasi UC TATI, diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar bin Abdul Rashid (Rektor), telah mengadakan kunjungan hormat ke ibu pejabat PROTON dan disambut oleh En. Roslan bin Abdullah, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

Pertemuan ini membuka peluang kerjasama strategik dalam bidang teknologi automotif, latihan industri dan pembangunan modal insan, memperkukuh potensi graduan TVET ke arah industri masa depan.

## Memperkasa Pendidikan Teknikal : UC TATI & KV Pasir Mas Kelantan

Delegasi UC TATI yang diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar bin Abdul Rashid (Rektor) telah mengadakan kunjungan rasmi ke Kolej Vokasional Pasir Mas, Kelantan.

Perbincangan ini membuka ruang kerjasama strategik dalam bidang TVET, ke arah melahirkan tenaga mahir berdaya saing dan memperkukuh pembangunan pendidikan teknikal negara.



# Kerjasama Industri & Akademik

## Bridging Academia & Industry — kolaborasi bermakna demi masa depan TVET yang gemilang

## UC TATI Meterai 2 MoA dan 6 MoU Bersama Rakan Strategik










University College TATI (UC TATI) terus melangkah ke hadapan dalam usaha memperkukuh jaringan kerjasama apabila menandatangani 2 Memorandum Perjanjian (MoA) dan 6 Memorandum Persefahaman (MoU) bersama rakan strategik merangkumi pelbagai bidang seperti pendidikan, penyelidikan, keusahawanan dan industri.

2 MoA dimeterai bersama :

- Sekolah Tinggi Teknologi Warga Surakarta, Indonesia
- CyberSecurity Malaysia

6 MoU dimeterai bersama :

- Bank Islam Malaysia Berhad
- Yayasan Pembangunan Usahawan –– Terengganu (YPU Terengganu)
- Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)
- DreamEDGE Sdn. Bhd.
- DH Borneo Sdn. Bhd.
- Hal FinTech

## Serambi Ilmu Rakyat UC TATI

Inisiatif ini merupakan hasil kerjasama antara UC TATI dan Yayasan Bank Rakyat dalam memperkukuh budaya ilmu melalui hab pembelajaran interaktif yang menyokong pembangunan ilmu, kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga kampus.






## RoboNellang Challenge 2025 peringkat Kebangsaan

Pertandingan ini melibatkan kategori sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan, memperlihatkan bakat dan kreativiti pelajar dalam bidang robotik menerusi robot yang dipertandingkan.

# Kerjasama Industri & Akademik

## UC TATI Perkukuh Kerjasama Pendidikan dan Industri di Jepun

**Tokyo / Osaka, Jepun** — Lawatan akademik University College TATI (UC TATI) ke Jepun pada 2–7 Oktober 2025 menandakan langkah besar dalam memperkukuh peranan Terengganu sebagai negeri peneraju pendidikan teknikal bertaraf global.



Delegasi diketuai oleh Rektor, Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar Abdul Rashid bersama Pengerusi Lembaga Pengarah, YB Dato' Haji Satiful Bahri bin Mamat, merangkumi siri lawatan rasmi, perbincangan akademik dan libat urus industri di Tokyo, Tsu (Mie Prefecture) dan Osaka.

## Kerjasama UC TATI – Mie University, Jepun





Kemuncak lawatan rasmi UC TATI ke Jepun ialah kunjungan ke Mie University, universiti awam terkemuka yang diketuai oleh Presiden Prof. Dr. Masaaki Ito. Kedua-dua pihak mencapai persetujuan awal untuk memperkukuh kerjasama jangka panjang dalam pendidikan, latihan teknikal dan penyelidikan bersama, khususnya melibatkan Fakulti Pendidikan.

Perbincangan turut menekankan pembangunan program pertukaran pelajar dan staf, latihan profesional tenaga pengajar TVET, serta perkongsian bahan rujukan dan modul pendidikan.

Delegasi UC TATI turut melawat Tadika Mie University, pusat latihan guru prasekolah dan penyelidikan pedagogi. Menurut Prof. Hairul, pendekatan pendidikan Jepun yang menekankan rasa ingin tahu dan disiplin sejak awal wajar dijadikan model untuk memperkukuh program Pendidikan Awal Kanak-kanak UC TATI.

**"Kita berkongsi nilai yang sama — bukan hanya membina kemahiran, tetapi membentuk keperibadian dan rasa tanggungjawab," – Prof. Hairul**

## Lawatan ke Suzuka KOSEN, Jepun







**"Nilai amanah dan disiplin yang diterapkan di Suzuka KOSEN seiring dengan budaya masyarakat Terengganu," – Prof. Hairul**

Delegasi UC TATI turut mengunjungi Suzuka KOSEN (National Institute of Technology Suzuka College), salah satu kolej teknikal terkemuka di Jepun. Rombongan meninjau fasiliti latihan mekatronik, kejuruteraan elektrik dan sistem automasi yang menggabungkan pembelajaran berasaskan projek industri sebenar.

Melalui sesi perbincangan, delegasi memahami bagaimana pelajar Jepun dibentuk sejak usia 15 tahun untuk menjadi juruteknik profesional berintegriti melalui sistem pendidikan bersepadu antara sekolah, industri dan komuniti.

Model KOSEN memberi inspirasi kepada UC TATI untuk memperkukuh pendekatan TVET berasaskan industri (Work-Based Learning) dan memperluas program dual training bersama rakan industri di Kemaman dan Kerteh.

# Kerjasama Industri & Akademik

## Perbincangan Bersama Japan Halal Association (JHA)



Di Osaka, delegasi UC TATI mengadakan pertemuan rasmi dengan Japan Halal Association (JHA) — badan yang diiktiraf JAKIM Malaysia dalam pensijilan halal di Jepun.

Perbincangan memberi tumpuan kepada latihan pensijilan halal untuk pelajar TVET, pembangunan modul Halal Verification Technologies (seperti penggunaan sensor, kit ujian dan AI), serta peluang penyelidikan bersama dalam industri makanan, kosmetik dan farmaseutikal Jepun.

JHA turut menyatakan komitmen untuk menyokong UC TATI dalam latihan bahasa Jepun dan pemahaman budaya tempatan, bagi memperkukuh potensi pelajar Malaysia dalam sektor halal global.

## Pembentangan di International Halal Conference (IHC Osaka 2025)

Sebagai kemuncak lawatan, Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar Abdul Rashid dijemput sebagai Keynote Speaker di International Halal Conference 2025 (IHC Osaka) anjuran International Halal Association.

Dalam pembentangan bertajuk ***"Integrating Halal Manufacturing with TVET for a Future-Ready Workforce,"*** beliau menekankan peranan TVET dalam membangunkan tenaga kerja halal global yang berkemahiran dan beretika.

Ucapan beliau mendapat perhatian peserta dari pelbagai negara dan membuka peluang kolaborasi baharu di bawah rangka ASEAN–Japan Halal Education Partnership.




***"Kita berkongsi nilai yang sama — bukan hanya membina kemahiran, tetapi membentuk keperibadian dan rasa tanggungjawab," – Prof. Hairul***

## Impak kepada Terengganu dan UC TATI












Lawatan akademik UC TATI ke Jepun melalui kunjungan ke Mie University, Suzuka KOSEN, Japan Halal Association (JHA) dan IHC Osaka 2025 dijangka memberi impak besar kepada negeri Terengganu dan institusi.

Antaranya ialah memperkukuh model TVET berasaskan industri Jepun, menarik kerjasama serta pelaburan dalam sektor halal, dan membuka peluang mobiliti pelajar ke universiti Jepun.

Kejayaan Prof. Hairul sebagai Keynote Speaker di IHC Osaka turut mengangkat nama UC TATI dan Terengganu di pentas antarabangsa. Lawatan ini menjadi simbol komitmen UC TATI dan Kerajaan Negeri dalam melahirkan modal insan berilmu, berkemahiran dan berakhlak tinggi, menjadikan Terengganu sebagai negeri contoh berteraskan pendidikan, teknologi dan nilai Islam progresif.

# Senarai
# Profesor Adjung UC TATI















# Senarai
# Profesor Adjung UC TATI












# Anugerah

***Celebrating Excellence — apabila usaha dan komitmen membuahkan kejayaan.***



## Pelancaran Maskot 'Leo' oleh Menteri Besar Terengganu



Melambangkan semangat teknikal, keberanian, dan wawasan pelajar UC TATI. Reka bentuk futuristik dengan warna biru & merah korporat. Simbol penjaga inovasi dan pemimpin masa hadapan. Teman setia dalam perjalanan ilmu & inovasi di UC TATI.

Nama LEO bermaksud:

- L: Lestari. E: Efisien O: Optimis

## UC TATI Catat Malaysia Book of Records bagi Pameran TVET

UC TATI melakar sejarah apabila merangkul pengiktirafan Malaysia Book of Records bagi Pameran TVET sempena Mega Fiesta TVET POLYCC 2025, anjuran Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

Kejayaan ini mengangkat nama UC TATI sebagai institusi TVET unggul dan inovatif di peringkat nasional.







## UC TATI Diiktiraf dalam Times Higher Education World University Rankings 2025

UC TATI mencapai status "REPORTER" dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings 2025, menandakan pengiktirafan antarabangsa terhadap kecemerlangan institusi.

Pencapaian ini membuktikan komitmen UC TATI dalam pendidikan berkualiti, penyelidikan berimpak tinggi, dan jaringan global yang kukuh.

# Anugerah




## UC TATI Diiktiraf Top 3 oleh MQA

UC TATI diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) sebagai Top 3 University College dalam kategori Higher Education Provider Excellence Award (Internal Quality Assurance) bagi MQA Awards 2025.

Pengiktirafan ini membuktikan komitmen UC TATI terhadap kecemerlangan kualiti akademik dan jaminan kualiti dalaman.

## Majlis Penyerahan Mock Cheque Dapo MAIDAM @ U di UC TATI

Majlis penyerahan Mock Cheque Dapo MAIDAM @ U telah berlangsung di UC TATI. Sebanyak RM705,510.00 disumbangkan oleh MAIDAM, diserahkan oleh Cik Hamidah binti Ab Latif kepada Profesor Ir. Dr. Hairul Azhar bin Abdul Rashid, Rektor UC TATI. Sumbangan ini mencerminkan keprihatinan MAIDAM terhadap kebajikan pelajar IPT melalui program Dapo MAIDAM @ U.






*"Setiap pengiktirafan adalah hasil dedikasi, kerja keras dan semangat kecemerlangan warga UC TATI."*

# SUKAN & AKTIVITI PELAJAR

***Energi muda, semangat juang — mencorak identiti UC TATI yang dinamik.***



## UC TATI Raih Tempat Ketiga dalam STAR E-Sports Championship

Pasukan UC TATI berjaya meraih tempat ke-3 dalam pertandingan PUBG dan Mobile Legend sempena STAR E-Sports Championship anjuran Kelab E-Sukan UniSZA. Program ini bertujuan membina jaringan kerjasama dan semangat perpaduan antara pelajar institusi pengajian tinggi.

## Kembara UC TATI Trackers ke Gunung Tebu

Seramai 25 pelajar Kelab Trackers UC TATI menyertai Program Kembara ke Gunung Tebu, Besut pada 12–14 Jun 2025.

Program ini berjaya memupuk jati diri, ketahanan fizikal dan mental, serta membentuk sahsiah positif dalam kalangan peserta.






**Pasukan Futsal UC TATI**

## Pasukan Futsal UC TATI Mara ke Liga Premier

Syabas dan tahniah kepada pasukan futsal UC TATI yang berjaya melangkah ke Liga Premier dalam kejohanan yang berlangsung di Uniten Putrajaya.

Kejayaan ini mencerminkan usaha keras, disiplin dan semangat juang tinggi pasukan UC TATI.

# SUKAN & AKTIVITI PELAJAR

*Energi muda, semangat juang — mencorak identiti UC TATI yang dinamik.*



## Pasukan Pencak Silat UC TATI Cemerlang di Kejohanan SUKMA Negeri

Pasukan Pencak Silat UC TATI menunjukkan prestasi membanggakan di Kejohanan Pemilihan SUKMA & Pelapis Negeri Terengganu 2025 apabila dua pelajar, Muhammad Adam Syukri bin Omar dan Nik Muhammad Haiqal bin Nik Ameran, meraih pingat emas dan layak mewakili Negeri Terengganu.
Tahniah diucapkan kepada semua atlet dan jurulatih S.M. Imran As-Suja atas kejayaan ini.

## Perlawanan Persahabatan Bola Tampar UC TATI – Petronas Carigali

Perlawanan persahabatan bola tampar wanita antara UC TATI dan Petronas Carigali di Dewan Serbaguna Felda Kerteh 3 berlangsung meriah dengan penuh semangat kesukanan dan ukhuwah.

Program ini berjaya mengeratkan silaturahim serta memberi pengalaman berharga kepada semua pemain.






## Special Auditing Exchange Program (October 2025 Intake)

Selamat maju jaya diucapkan kepada lima (5) orang pelajar UC TATI yang akan menjalani program Special Auditing Exchange Program di Mie University, Jepun:

# SUKAN & AKTIVITI PELAJAR

## *Pencapaian Pelajar DISR Tahun 2025*




## MBW International Taekwondo Championship 2025

**NURUL AISYAH NAZIRAH BINTI MOHD ROZI (GANGSA)**

## SIPMA 2025

**MUHAMMAD FAHRIN AIMAN BIN YUSMIZAN**

- 3000 M BERHALANGAN (PERAK)
- 4X100M MIX (GANGSA)
- 4X100 LELAKI (GANGSA)



## Varsity Track & Field (VTF) 2025










- **VTF 2 (UNISZA)**

**MUHAMMAD FAHRIN AIMAN BIN YUSMIZAN:**
- 3000M BERHALANGAN (PERAK)
- 5000M (PERAK)

- **VTF 3 (UUM):**

- 5000M (PERAK)
- 3000M BERHALANGAN (EMAS)

**SHAZRIL ASHRAFF BIN SHAMSURBAHRY:**
- 400M (EMAS)

**WAN MUHAMMAD HAKIMI NUKHMAN BIN WAN MOHD HAIRIE:**
- 10000M JALAN KAKI (PERAK)

# SUKAN & AKTIVITI PELAJAR

## *Pencapaian Pelajar DISR Tahun 2025*



### Kursus Fasilitator Jenoba Outdoor

Seramai 16 orang pelajar telah mendapat sijil (July 24, Sep 24, Feb 25, Apr 25)

### Orienteering Level 1

Seramai 30 orang pelajar dan 5 orang pengajar mendapat pensijilan Orienteering Level 1 oleh International Orienteering Federation (IOF).



### SUTERA 2025











**WAN MUHAMMAD HAKIMI NASHRAN BIN WAN MOHD HAIRIE:**
- BOLA TAMPAR (GANGSA)

**SHAZRIL ASHRAFF BIN SHAMSURBAHRY:**
- 100METER (PERAK)
- 4X400METER (EMAS)
- 4X400METER MIX (EMAS)
- 4X100METER (EMAS)

**MUHAMMAD AZIF IKHFAN BIN OMAR:**
- 4X400M (PERAK)
- 4x400M MIX (GANGSA)

**NUR SHAMIMIE SUZANA BINTI ISMAIL:**
- MOUNTAIN BIKE - CROSS COUNTRY (GANGSA)
- ROADRACE (PERAK)

**MUHAMMAD FAHRIN AIMAN BIN YUSMIZAN:**
- 800M (EMAS)
- 1500M (EMAS)
- 4X400M (GANGSA)

**ABDUL RAHMAN KARAMI BIN HAMDAN**
- 200M (PERAK)
- 4X100M (PERAK)

# KELAB SUKAN

*Bukan sekadar akademik — pelajar UC TATI terus menyerlah dalam arena sukan dan kepimpinan.*



## BADMINTON

## BOLA JARING





## RAGBI




## BOLA BALING



# FROM CAMPUS TO CAREER

Inspiring Journeys — kisah kejayaan graduan yang membawa nama UC TATI ke serata dunia.
























# Alumni Inspirasi UC TATI




## Siti Hajar binti Hanafee

Program : Bachelor of Chemical Engineering Technology (Honours)
Syarikat / Jawatan : Protege-Gees, Institut Teknologi Petroleum PETRONAS (INSTEP)
Tahun : 2025

## Nurul Alia Syafika binti Zaini

Program : Bachelor of Chemical Engineering Technology (Honours)
Syarikat / Jawatan : Protege-Gees, Petronas Penapisan (Terengganu) Sdn Bhd
Tahun : 2025






## Aidatul Akmal binti Ahmad Kamar

Program : Bachelor of Chemical Engineering Technology (Honours)
Syarikat / Jawatan : Protege-Gees, Petronas Penapisan (Terengganu) Sdn Bhd
Tahun : 2025




## Muhammad 'Irfan bin Ismail

Program : Bachelor of Chemical Engineering Technology (Honours)
Syarikat / Jawatan : Protege-Gees, Institut Teknologi Petroleum PETRONAS (INSTEP)
Tahun : 2025




## Amirah Husna binti Azmi

Program : Bachelor of Chemical Engineering Technology (Honours)
Syarikat / Jawatan : Protege-Gees - Malaysian Refinery Company Sdn Bhd
Tahun : 2025

# Alumni Inspirasi UC TATI




## Fairus Soliqin bin Sharudin

Program : Bachelor of Manufacturing Engineering Technology (Tooling) with Honours
Syarikat / Jawatan : Project Engineer - Twin Hi-Technology Sdn. Bhd
Tahun : 2025

## Muhammad Adwa' Aqil bin Kamarul Bahrim

Program : Bachelor of Manufacturing Engineering Technology (Tooling) with Honours
Syarikat / Jawatan : Production Engineer - Joonhee Micron Sdn. Bhd
Tahun : 2025






## Nurul Amirah Sahira bt Harizan

Program : Bachelor of Manufacturing Engineering Technology (Production Management) (Honours)
Syarikat / Jawatan : Senior Sales Engineer - Front Tech Engineering Sdn. Bhd.
Tahun : 2021

## Ahmad Farhan Bin Fakrul Ariffin

Program : Bachelor of Computer Science with Honours
Syarikat / Jawatan : IT Operations Specialist - SD Guthrie Berhad
Tahun : 2025







## Aliff Najmuddin bin Abdullah

Program : Bachelor of Business Management (Honours)
Syarikat / Jawatan : Nadi Manager - Malaysian Communications And Multimedia Commission (MCMC)
Tahun : 2025

# Alumni Inspirasi UC TATI




## Farah Nabila binti Ahmad Yusri

Program : Bachelor of Information Technology with Business Management (Honours)
Syarikat / Jawatan : Sales Executive - Proton Indah Sari 3S Dungun,Terengganu
Tahun : 2025

## Siti Nur Damia binti Miftah Masail

Program : Bachelor of Computer Science with Honours
Syarikat / Jawatan : Software Support Specialist - INFO-Tech System Integrators (M) Sdn Bhd
Tahun : 2025







## Marsya Adrianna Binti Marzuki

Program : Bachelor of Chemical Engineering Technology (Honours)
Syarikat / Jawatan : Protege - GEES - Petronas Cari Gali Sdn Bhd
Tahun : 2025

## Muhammad Izzul Firdaus Bin Amran

Program : Bachelor of Computer Science with Honour
Syarikat / Jawatan : Project Management Office (PMO) Executive - Heitech Padu Berhad
Tahun : 2025







## Yasmin binti Muhammad Zaki

Program : Bachelor of Computer Science With Honours
Syarikat / Jawatan : Protege Software Engineer - Capgemini Services Malaysia
Tahun : 2025

# REDAKSI BULETIN

## PENAUNG
PROF. IR. DR. HAIRUL AZHAR BIN ABDUL RASHID

## PENGERUSI
AHMAD FARID RIDHWAN BIN ZAKARIA



## SETIAUSAHA
NUR NADIAH BINTI HASHIM

## EDITOR/GRAFIK
VIVI NURERVINA BINTI AHMAD ZASLI

## PENYUMBANG MAKLUMAT
- SITI AMIRAH BINTI HASAN SHARBINI
- SUHAIRAH BINTI MOHD SUHAIMI

## AHLI-AHLI :
- Ts. ChM. DR. MOHD BADRULHASWAN BIN BESAR
- ZURAIRI BIN HASHIM
- MUHAMMAD FADZLI BIN SUKOR
- MUHAMMAD AMEEN BIN WAHAB
- FAIZATUL HANIZAM BINTI MOHAMED FAUZI
- NOR HIDAYAH BINTI AJ'MAIN
- NURUL AZIERA BINITI MOHD ZAKI
- AHMAD YAMIN BIN IBRAHIM
- MAKH SYAFARIKA BINTI MAMAT

## SUMBER-SUMBER LAIN :
Redaksi BULETIN UC TATI mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/ Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UC TATI ini.



## PENERBIT
JABATAN PROMOSI,PEMASARAN & KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITY COLLEGE TATI

# UC TATI



Majlis

مجليس كونوكيشن

# Konvokesyen

UNIVERSITY COLLEGE TATI KE-25

25 OKTOBER 2025 (SABTU) | BERSAMAAN 3 JAMADILAWAL 1447H

SETARA BERDAYA SAING 2022

THE World University Rankings 2025

MALAYSIA EDUCATION & TVET AWARDS 2024

University College TATI



Inspiring Future Leaders

www.uctati.edu.my

#UCTATIDihatiku

#UCTATINation